

KAJIAN PENGGUNAAN CONTINUITY EDITING ATAU  
SUNTINGAN KESINAMBUNGAN DALAM FILEM  
HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH (2010)

NURUL AZHAR BIN MOHD ROZALI

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF DAN  
WARISAN DALAM PENGAJIAN SKRIN DENGAN  
KEPUJIAN

2021



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## PROJEK PENYELIDIKAN 1

KAJIAN PENGGUNAAN CONTINUITY EDITING ATAU  
SUNTINGAN KESINAMBUNGAN DALAM FILEM  
HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH (2010)

BY

NURUL AZHAR BIN MOHD ROZALI  
(C17A0282)

LAPORAN KAJIAN INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA TUGASAN  
UNTUK PROJEK PENILAIAN 1 UNTUK  
PENANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA  
TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

---

2021

## THESIS DECLARATION

I here by certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text).
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee. Dated from..... until .....
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of Universiti Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

---

**SIGNATURE**

---

**SIGNATURE OF SUPERVISOR**

---

**IC/PASSPORT NO.**

---

**NAME OF SUPERVISOR**

Date :

Date :

Note : \* If thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period and reasons for confidentiality and restriction.

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk Izajah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau Institusi.

- TERBUKA      Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SEKATAN      Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
Dari Tarikh.....hingga.....
- SULIT      (Mengandungi maklumat terhad sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD      (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan berhak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat Salinan Laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia Utama

Nama :

Nama :

Tarikh :

Tarikh :

Nota : \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT dan TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab kerahsiaan dan sekatan

## PENGHARGAAN

Alhamdulillahilahirabbilalamin dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan hidayahnya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam disedekahkan kepada nabi kita Muhammad S.A.W. Pengkaji mengambil peluang ini untuk merakamkan ribuan terima kasih yang ikhlas dari lubuk hati kepada penyelia bagi projek penyelidikan ini iaitu Encik Fairuladlan Bin Hamadun atas bimbingan, tunjuk ajar, kritikan dan kesabaran serta pengertian beliau yang diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini. Beliau merupakan antara insan yang sentiasa bersabar dan memberi segala tunjuk ajar kepada semua anak-anak murid dibawah seliaanya. Terima kasih untuk kesekian kalinya.

Terima kasih dirakamkan juga kepada dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Dr Hanisa Binti Hassan kerana memberi keizinan menggunakan kemudahan yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan bagi mencari maklumat-maklumat berkaitan kajian ini. Terima kasih juga disampaikan kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kerana memberi kebenaran untuk menggunakan kemudahan yang terdapat di dalam perpustakaan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan sepanjang pengajian. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa saya yang memberi saya pemudah cara untuk menyelesaikan tesis ini. Mereka telah memberikan segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya berjaya menyiapkan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan, serumah, satu kumpulan dan penyelia yang banyak memberikan pertolongan. Tanpa mereka semua mungkin kajian ini tidak dapat diselesaikan dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka.

Akhir kalam, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan tugas teks ini. Pengkaji berharap semoga Allah S.W.T membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menyiapkan teks ini. Amin.

## ABSTRACT

Editing is something that can make the film successful or not. This study focuses on the element continuity editing techniques in the film Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). The film Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010) is interesting to study because the continuity editing technique used in this film is very good. Accordingly, this study uses a qualitative method by making references based on previous studies and research specific to the film. As a result of specific research and previous research references, the researcher found that this study proves that continuity editing techniques are very important and need to be emphasized before a film is made. This is able to give a good impact for the next generation.



## ABSTRAK

Teknik penyuntingan merupakan sesuatu perkara yang dapat membuatkan filem itu berjaya ataupun tidak. Kajian ini menumpukan pada elemen penyuntingan kesinambungan melalui teknik penyuntingan kesinambungan dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010) ini menarik untuk diteliti kerana, teknik penyuntingan kesinambungan yang digunakan di dalam filem ini amatlah baik. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat rujukan berdasarkan kajian-kajian lepas dan penelitan yang khusus terhadap filem tersebut. Hasil daripada penelitian khusus dan rujukan kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian ini membuktikan bahawa teknik penyuntingan kesinambungan amatlah penting dan perlu dititikberatkan sebelum sesebuah filem itu dibuat. Hal ini mampu memberi impak yang baik untuk generasi seterusnya.



**ISI KANDUNGAN**

|                            |               |
|----------------------------|---------------|
| <b>PENGHARGAAN</b> .....   | <b>I-II</b>   |
| <b>ABSTRAK</b> .....       | <b>III-IV</b> |
| <b>ISI KANDUNGAN</b> ..... | <b>V-VI</b>   |

**BAB 1 PENDAHULUAN**

|  |     |
|--|-----|
| 1.1 PENGENALAN.....                      | 1-4 |
| 1.2 PEMASALAHAN KAJIAN .....             | 4   |
| 1.3 OBJEKTIF KAJIAN.....                 | 5   |
| 1.4 PERSOALAN KAJIAN.....                | 5   |
| 1.5 SKOP KAJIAN.....                     | 6   |
| 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN .....             | 7   |
| 1.7 STRUKTUR DAN ORGANISASI KAJIAN ..... | 8-9 |

**BAB 2 KAJIAN LITERATURE**

|   |       |
|---|-------|
| 2.1 PENGENALAN.....   | 10    |
| 2.2 DEFINISI.....   | 10-12 |
| 2.2.1 CONTINUITY EDITING/TEKNIK SUNTINGAN KESINAMBUNGAN ..... | 13-15 |
| 2.2.2 SISTEM 180° .....                                       | 16-17 |
| 2.2.3 PENYUNTINGAN ANALITIK .....                             | 18-19 |
| 2.2.4 TANGKAPAN SUDUT TERBALIK.....                           | 19-20 |
| 2.2.5 KELUAR/MASUK YANG SESUAI/ MATCHED-EXIT/ENTRANCE.....    | 21-22 |
| 2.2.6 PERLAWANAN-TINDAKAN/ MATCH-ACTION .....                 | 23-24 |

**BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

|                                       |       |
|---------------------------------------|-------|
| 3.1 PENGENALAN.....                   | 25    |
| 3.2 KAEDAH KUALITATIF .....           | 26    |
| 3.3 PENDEKATAN KAJIAN .....           | 27    |
| 3.4 PERSAMPELAN.....                  | 27    |
| 3.5 INSTRUMEN KAJIAN.....             | 28    |
| 3.5.1 KAJIAN PERPUSTAKAAN.....        | 28    |
| 3.5.2 SUMBER INTERNET.....            | 28-29 |
| 3.6 CARTA ALIR METODOLOGI KAJIAN..... | 30    |

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

|  |       |
|--|-------|
| 4.1 PENGENALAN.....                                  | 31    |
| 4.2 SINOPSIS HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH (2010)..... | 31-33 |
| 4.3 ANALISIS SUNTINGAN KESINAMBUNGAN .....           | 33-42 |
| 4.4 KESIMPULAN.....                                  | 42    |

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

|                     |    |
|---------------------|----|
| 5.1 PENGENALAN..... | 43 |
| 5.2 CADANGAN.....   | 43 |
| 5.2 KESIMPULAN..... | 44 |

|                     |              |
|---------------------|--------------|
| <b>RUJUKAN.....</b> | <b>45-46</b> |
|---------------------|--------------|

|                         |           |
|-------------------------|-----------|
| <b>CARTA GANTT.....</b> | <b>47</b> |
|-------------------------|-----------|

## BAB 1

### 1.1 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, filem banyak dikeluarkan dan ditayangkan diserata dunia antaranya dipanggung mahupun di media massa yang lain. Terutama di Malaysia kita dapat lihat perkembangannya pada zaman 90-an dimana di era tersebut ramai pengarah-pengarah mula bergiat mengeluarkan filem mereka sendiri. Misalnya seperti pengarah terkenal di tanah air iaitu Tan Sri P. Ramlee yang banyak mengeluarkan filemnya tersendiri. Perkembangan filem di Malaysia mengorak langkah satu demi satu untuk bergiat dalam industri perfileman.

Filem merupakan elemen dapat mempengaruhi psikologi emosi seseorang. Filem juga merupakan sumber hiburan and ia mempunyai pengaruh yang besar terhadap menonton sesuatu filem. Perkembangan filem Malaysia bermula pada tahun 1960-an. Permulaan ini berasal daripada pembuatan filem imej yang bergerak oleh seorang jurugambar terkenal British yang dikenali sebagai Eadweard Muybridge. Beliau berjaya merakam beberapa gambar siri kuda yang sedang berlari (Tabut, 2006).

Menurut (Sarji, 1996) filem juga boleh didefinisikan sebuah bentuk atau visual yang terhasil dalam gambaran yang bergerak serta mengandungi pelbagai unsur penceritaan yang diskriplan, dan diolah serta diarahkan oleh seseorang dengan matlamat untuk dipanggung dan televisyen. Selain itu, filem juga dapat ditakrifkan juga sebagai hasil daripada himpunan pelbagai seni yang memaparkan cerita, cermin kepada budaya dan sosiologi masyarakat. Kesimpulannya filem merupakan produk teknologi, siber budaya dan seni media baru.

Pembikinan sesuatu filem perlu melalui beberapa fasa seperti pembangunan, pra-produksi, produksi, pasca-produksi dan pengedaran bagi suntingan atau editing terletak di dalam pasca-produksi yang merupakan proses-proses yang melibatkan penyusunan semula syot-syot atau sekuen untuk membentuk satu jalan cerita dalam sesebuah filem. Setiap sekuen dalam filem banyak membawa kepada penaikan setiap plot sesuatu cerita untuk

membina sesuatu perasaan atau suasana dalam sesuatu filem. Walaubagaimanapun sesuatu sekuen tidak akan berfungsi jika tidak melalui proses suntingan atau *editing* (Bazin, 1967).

Menurut *Andre Bazin* penyuntingan sangat penting dalam sesuatu penghasilan filem. Teknik penyuntingan mampu untuk menyampaikan setiap plot dan membangunkan naratif atau cerita ini kepada khalayak dengan amat sempurna. Konsep penyuntingan amat penting dalam menyampaikan dan mendirikan sesuatu naratif kerana syot kepada syot yang lain mampu untuk menghasilkan ilusi terhadap kesinambungan ruang dan masa (Bazin, 1967).

Suntingan kesinambungan merupakan suntingan yang disumbang oleh Edwin SPorter yang merupakan seorang pengarah filem Amerika dengan keistimewaan yang menggunakan kemahiran penyuntingan dramatic dan realistic secara inovatif didalam filemnya iaitu "*The Great Train Robbery*" dan sebagainya (Charles Musser, 1991). Teknik ini memberi penekanan terhadap kesinambungan dalam sesuatu filem. Penyuntingan berterusan adalah gaya penyuntingan filem yang dominan pada zaman kini. Ia lazimnya merujuk kepada teknik-teknik membina dan menyusun filem adalah merujuk kepada penyuntingan kesinambungan dan gaya kesinambungan yang berkaitan dengan pembikinan filem. Pengaruh penyuntingan kesinambungan tidak berakhir dengan filem.

Penyuntingan filem adalah "koordinasi satu pukulan dengan yang seterusnya". Pukulan adalah tempoh rakaman tunggal yang tidak terputus dengan gambar bergerak kamera (apa sahaja media rakaman: digital, video, atau seluloid). Apabila filem itu pengarah memutuskan bahawa niat naratif tempat kejadian tidak dapat disampaikan oleh pukulan semasa "potong" mesti dibuat ke titik pandang yang baru. Secara tradisional ini melibatkan memotong filem seluloid antara dua bingkai (satu imej yang dihasilkan dari mendedahkan filem negatif selama 1 / 24th sekejap), memilih filem yang mana mengandungi pukulan baru yang sesuai, dan menggelapkan kedua-duanya.

Penyuntingan berterusan adalah gaya suntingan yang paling dominan digunakan hari ini. Ia sinonim dengan pembuatan filem gaya Hollywood, yang muncul pada zaman awal pawagam dan disatukan semasa zaman kegemilangan Hollywood pada tahun 1930-an dan '40-an. Pada masa itu, penyuntingan kesinambungan boleh dilihat berbeza daripada penyuntingan bentuk percubaan dan muncul yang lain lebih dominan di bahagian lain di dunia, yang paling ketara adalah Rusia dan Asia Timur. Walaubagaimanapun, bentuk penyuntingan alternatif ini secara beransur-ansur diterapkan oleh gaya Hollywood sehingga mereka dilihat sebagai penyimpangan dari piawai dan "hanya", menurut industri filem, cara untuk berjaya mengedit filem penyuntingan kesinambungan (T.J., 2005).

Suntingan juga sering disebut sebagai seni yang tidak kelihatan. Seperti yang dinyatakan dalam sebuah artikel menyatakan bahawa penyunting bagi sesetengah filem akan menyediakan atau menyunting produk dengan lancar dan baik supaya sesuatu filem dapat dihasilkan dengan sempurna (Crimson, 2017). Didalam artikel ini juga menyatakan bahawa penyuntingan terdiri daripada beberapa bahagian seperti penambahan suara, kesan bunyi dan sebagainya yang mampu untuk membantuk dalam penghasilan sesebuah filem.

Teknik suntingan ini mampu melengkapkan sesuatu filem dengan baik dengan penyusunan syot antara syot yang mampu membina sebuah ilusi. Filem ini dipilih kerana filem seram komedi arahan Mohamad bin Mohammad Khalid atau dikenali sebagai Mamat Khalid telah menjadi fenomena di negara Malaysia. Berdasarkan filem hantu kak limah balik rumah teknik ini mampu membuat cerita ini mejadi sebuah filem seram komedi yang pertama yang mengumpul kutipan yang tertinggi pada tahun itu bagi filem seram komedi. Terdapat beberapa adegan yang menggunakan teknik suntingan kesinambungan yang mampu membina ilusi yang sangat bagus kepada audien yang menonton. Misalnya ketika Husin yang dilakon oleh pelakon terkenal Malaysia iaitu Awie yang berlari ketika terkejut dan dikacau oleh Hantu kak Limah di rumahnya sendiri.

Kajian yang dilakukan ini merupakan kajian yang berkaitan dengan penyuntingan kesinambungan dalam filem tempatan iaitu Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Hal ini demikian kerana dalam filem ini mempunyai penyuntingan kesinambungan dalam setiap syot yang disunting. Selain itu, dalam bab ini juga memfokuskan tentang permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan dan sebagainya.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Menurut *John Dewey*, beliau menyatakan bahawa permasalahan merupakan sesuatu pengaruh yang mampu mengubah sesuatu yang besar terhadap sesuatu penyelidikan (Dewey, 2010). Zaman ini kebanyakan para pengkaji lebih cenderung untuk mengkaji filem-filem luar atau lebih dikenali filem Hollywood. Mereka lebih cenderung kerana filem Hollywood berevolusi dari hari ke hari dengan plot, cara penyuntingan, penulisan skrip dan sebagainya. Hal ini menyebabkan ramai pengarah dari Malaysia mengikuti dan mengkaji filem-filem barat. Contoh pengarah yang kita dapat lihat yang mengkaji filem-filem barat iaitu Ghaz Abu Bakar yang mengarah cerita polis evo. Beliau banyak mengkaji filem-filem barat kerana menginginkan kelainan dalam filem yang diarahkan. Untuk pengkaji bagi filem-filem tempatan amat kurang kerana filem tempatan dikatakan hanya dapat sambutan dalam negara tidak diluar negara. Hanya beberapa buah filem sahaja yang lepas ke luar negara. Dengan itu, pengkaji ingin mengetengahkan kajian berkaitan filem-filem tempatan dengan lebih mendalam seperti cerita “hantu kak limah balik rumah” yang diarahkan oleh Mamat Khalid untuk kajian tentang penggunaan teknik kesinambungan atau editing continuity dalam filem ini. Penceritaan daripada filem dikatakan berjaya memberi kesan kepada pengarah lain dalam membuat filem yang bergenre seram komedi.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif utama kajian ini adalah:

- Mengkaji Teknik suntingan oleh Edwin S Porter
- Mengkaji teknik *continuity editing* dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah.
- Mengaplikasikan Teknik continuity dalam projek akhir.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Antara persoalan kajian yang dikenalpasti adalah:

- Apakah teknik-teknik suntingan yang terdapat dalam filem “HANTU KAK LIMA BALIK RUMAH”.
- Adakah teknik penyuntingan kesinambungan diaplikasikan dalam filem HANTU KAK LIMA BALIK RUMAH.



## 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian merupakan satu batasan kajian yang telah ditentukan oleh pengkaji untuk melakukan sebarang penyelidikan. Hal ini demikian kerana skop kajian membantu para pengkaji untuk membuat penyelidikan dengan secara tepat dan mengikut kehendak serta memepoleh keputusan yang tepat dan benar. Kajian ini memberi tumpuan kepada terhadap teknik suntingan atau continuity editing dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Filem ini menjadi focus utama pengkaji untuk dikaji teknik kesinambungan suntingan dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah. Hal demikian kerana masih kurangnya kajian yang memberi penekanan terhadap suntingan kesinambungan dalam filem yang diarahkan oleh Mamat Khalid. Filem ini menjadi sambutan hangat kepada para penonton kerana filem yang bergenre seram komedi yang mempunyai komedinya yang tersendiri. Hal ini menjadi daya tarikan kepada pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang filem seram komedi iaitu Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Kajian ini dilakukan kerana minat terhadap penyampaian jalan cerita yang menarik yang mengabungkan seram dan komedi yang mampu membuat penonton bergelak ketawa bersama dengan keluarga.

Untuk menjalankan kajian penyelidikan ini, pengkaji hanya menjalankan serta mencari maklumat yang berkaitan dengan filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Hal ini merupakan filem seram komedi yang pernah memecahkan panggung pada tahun 2010 dan telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam terhadap cara penghasilan iaitu cara penyuntingan yang dilakuakan untuk menjayakan filem ini. Selain itu juga pengkaji mampu untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan dengan suntingan kesinambungan dan dapat menganalisis cara suntingan yang terdapat dalam filem ini. Di samping itu, untuk memperoleh data mengenai responden, pengkaji mensasarkan golongan masyarakat yang pernah menonton filem Hantu Kak Limah Balik Rumah(2010).



## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

### **I. Rujukan**

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini amatlah memberi keuntungan kepada generasi yang akan datang. Hal ini kerana ianya dapat memberikan sumber rujukan yang besar pada masa yang datang.

### **II. Institusi**

Kajian ini amat penting kepada setiap institusi yang mempunyai bidang perfileman. Hal ini kerana, ia dapat dijadikan sumber rujukan dan sumber yang penting yang berkaitan dengan filem yang telah dikaji.

### **III. Penggiat seni**

Memberi rujukan kepada penggiat seni untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan teknik suntingan kseimbangan untuk diterapkan dalam suntingan filem.

### **IV. Masyarakat**

Membantu masyarakat supaya lebih mengetahui apa itu suntingan dan memanfaatkan mereka untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan dengan suntingan.

### **V. Individu**

Memberi manfaat kepada diri pengkaji dengan lebih mendalam untuk mengkaji lebih terperinci tentang suntingan yang dilakukan dalam filem.

## 1.7 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab. Bab satu merangkumi perbincangan mengenai pengenalan kepada kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan struktur organisasi kajian. Bab satu memberi maklumat daripada kajian yang dianalisis, dikaji dan diaplikasi. Selain itu, Bab satu juga, menerangkan pelbagai persoalan dan jawapan dari pelbagai ilmu pengetahuan yang dikaji. Di samping itu juga, bab satu juga akan menerangkan maklumat yang menarik untuk diperluaskan kepada masyarakat luar. Sebagai contoh menerangkan dengan lebih terperinci cara mudah untuk menyunting video dengan teknik yang asas.

Bab dua menerangkan tentang kajian *literature* atau sorotan kajian. Bahagian ini membincangkan tentang kajian –kajian lepas yang dijalankan oleh sarjana yang menjadi rujukan utama kepada pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini. Bab dua juga membincangkan secara terperinci latar belakang teori atau konsep yang digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka analisis.

Seterusnya bab tiga, bab ini menerangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian bagi menjelaskan satu perkaitan antara objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam bab satu dengan kaedah pengumpulan data. Terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam bab ini merangkumi rekabentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, instrument kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur kajian dan analisis yang dihurai secara terperinci melalui substajuk yang ditentukan.

Pada bab empat akan diterangkan secara terperinci analisis data yang telah dilakukan dan dapatan yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis terperinci dan analisis umum. Analisis yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan

pada bab satu. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menumpukan kepada menjawab kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam bab satu.

Bab lima ini membincangkan tentang dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab empat. Perbincangan dibuat dalam lima bahagian merangkumi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian yang menjelaskan ringkasan kajian yang dilakukan meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi kajian, pemilihan sampel dan lokasi kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

## **BAB 2**

### **2.1 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji lebih berfokus kepada perbincangan secara teori langkah-langkah yang menyokong tajuk kajian penyelidikan. Beberapa *literature* yang akan digunakan sebagai asas pembentukan penyelidikan. Kajian *literature* ianya berbentuk kajian –kajian tokoh lalu yang telah banyak melakukan kajian mengenai teknik penyuntingan kesinambungan dalam filem HANTU KAK LIMA BALIK RUMAH. Kajian *literature* merupakan garis panduan dan sumber rujukan yang sangat penting kepada pengkaji untuk memperoleh maklumat yang tepat dan jelas,

Seterusnya, berpandukan kajian literature ini pengkaji dapat menganalisis kekuatan serta kelemahan setiap kajian literature yang seterusnya digunakan untuk menyokong hujah tajuk kajian pengkaji.

### **2.2 DEFINISI**

Menurut Ramang Syah, 2008 Suntingan merupakan satu dorongan kreatif dalam dunia perfileman dan merupakan landasan dari seni perfileman. Suntingan juga merupakan salah satu struktur yang penting dalam suatu produksi filem atau televisyen yang ditambah dengan emosi, intensiti, dan tempo yang mempunyai satu pesanan yang tersirat dan tersurat. Penyuntingan juga diertikan sebagai satu proses memilih dan menyusun sekuen-sekuen yang tidak teratur untuk menjadikan satu sekuen yang baru atau menjadi satu sekuen yang teratur untuk disajikan kepada orang ramai (Syah, 2008).

Selain itu, penyuntingan juga merupakan proses menyusun, memotong dan melengkapkan semula setiap sekuen yang diperolehi semasa rakaman untuk dijadikan satu cerita atau filem yang lengkap. Semasa melakukan penyuntingan, penyunting harus mengetahui atau memahami secara mendalam sebelum menyusun shot-shot supaya shot yang disusun mampu untuk membangunkan bahagian-bahagian yang lebih efektif. Menurut Asrul Sani (1992) menyatakan bahawa terdapat beberapa fungsi penyuntingan yang harus difahami oleh seorang penyunting dalam menyunting iaitu selektif (pemilihan), keterpaduan (*coherence*) dan kesinambungan (*continuity*), transisi, audio dan sebagainya (Sani, 1992). Fungsi penyuntingan ini berkait rapat dengan shot yang diambil, hal ini kerana shot yang diambil merupakan elemen yang utama di dalam proses penyuntingan, dalam erti lain shot merupakan satu bahagian dari rangkaian gambar yang begitu panjang yang hanya dirakam dengan sekali ambil dengan menggunakan sebuah kamera. Penyusunan shot dalam proses penyuntingan haruslah disesuaikan dengan informasi yang akan disampaikan dalam filem atau cerita yang akan disampaikan. *Type of Shot* merupakan *frame* yang dibentuk berdasarkan ukuran yang akan menceritakan suasana atau suatu peristiwa dalam alur cerita atau filem yang disunting.

Menurut Roy Thompson dan Christopher Bowen (2009) menyatakan bahawa terdapat beberapa shot iaitu *Extreme Close-Up (ECU)*, *Big Close-Up (BCU)*, *Close-Up (CU)*, *Medium Close-Up (MCU)*, *Medium Shot (MS)*, *Medium Long Shot (MLS)*, *Long Shot (LS)* dan sebagainya yang dikemukakan bahawa mempunyai hubungan antara shot dan merupakan penyambungan diantara dimensi-dimensi dari penyuntingan. Dimensi penyuntingan merupakan hubungan antara shot yang disambung dengan shot yang lain yang berkaitan antara shot. (Thompson, 2009). Secara keseluruhannya, filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (2010) telah menggunakan tiga teknik penyuntingan.

Teknik penyuntingan *continuity*, *cutting on action* dan *matching* (*matching the look*, *matching the position*, *matching the movement*). Teknik-teknik penyuntingan tersebut diterapkan oleh penyunting menerusi beberapa adegan seram serta komedi yang telah diserapkan supaya dapat menarik minat penonton untuk menonton. Selain itu juga, suntingan kesinambungan ini menjadi salah satu suntingan yang membuat filem ini berjaya menarik minat penonton untuk menonton. Berikut merupakan beberapa teknik penyuntingan yang digunakan oleh penyunting menerusi beberapa adegan seram dan komedi yang terdapat dalam filem ini.

### 2.2.1 *Continuity editing* / Teknik suntingan kesinambungan

Teknik suntingan kesinambungan (*continuity editing*) merupakan konsep yang paling banyak digunakan oleh penyunting dalam penyuntingan sesuatu filem atau cerita. Tujuan penggunaan suntingan ini adalah untuk membuat para penonton berasa selesa untuk menonton atau tidak terganggu dengan ketidak fahaman cerita yang disampaikan, dan hal ini haruslah mempunyai kesinambungan atau *matching* antara shot yang telah digabungkan. Satu shot yang dicantumkan dengan shot yang lain haruslah mempunyai atau diperhatikan dengan asas kesinambungan, misalnya seperti persambungan diantara shot yang pertama dengan shot yang kedua, adegan dengan adegan, dan babak dengan babak. Kesinambungan diantara shot inilah yang digunakan oleh para pengkaji yang terdahulu seperti Edwin S Porter yang merupakan pengasas suntingan kesinambungan (*continuity editing*) dan Pudovkin yang banyak menggunakan dalam rakaman dan suntingan beliau yang melanjutkan penggunaan daripada G.W.Griffith pada sebelumnya (Marselli, 1996).

Penggunaan suntingan kesinambungan dalam menyunting sesebuah filem sangat mudah diikuti dan mudah difahami oleh penonton. Penyambungan antara satu shot dengan shot yang lain haruslah mempunyai kesinambungan gambar yang telah dirakam. Selain itu penggunaan prinsip penyuntingan digunakan supaya hubungan kesinambungan antara naratif antara satu shot dengan shot yang lain tetap dijaga. Dalam suntingan kesinambungan mempunyai beberapa teknik dan aturan yang digunakan iaitu *180° shot / reverse shot*, *eyeline match*, *establishing / reestablishing shot*, *match on action*, *point of view cutting* dan *cut in*. setiap filem mempunyai satu pola perkembangan jalan penceritaan. Pola tersebut merupakan pola yang secara umum yang dibahagikan kepada tiga tahap iaitu permulaan, pertengahan / klimaks dan peleraian. Pola ini digunakan dengan cara penyampaian atau perjalanan cerita yang secara berulang ataupun di variasikan sehingga pesanan atau informasi yang disampaikan mampu difahami oleh penonton (Himawan, 2008).



Selain itu juga, dalam filem yang mempunyai durasi khas 90 minit yang bermakna mempunyai penyuntingan diantara 5.4 sehingga 2.7 saat. Kekerapan ini mungkin lebih tinggi selama ini untuk urutan tindakan yang pantas, kadang-kadang menjadikan masa pemotongan menjadi kurang daripada satu. Namun begitu sesetengah penonton sukar untuk mengingati kembali butiran penyuntingan selepas melihat sesebuah filem kerana mereka akan mengingati bahawa filem tersebut sebagai satu urutan yang berterusan. Teknik yang digunakan merupakan teknik kesinambungan. Penyuntingan secara berterusan merupakan gaya penyuntingan yang paling dominan yang digunakan sekarang. Walaubagaimanapun, bentuk penyuntingan alternative ini secara beransuru-ansur digantikan oleh gaya Hollywood sehingga mereka dilihat sebagai menyimpang dari *standard dan "only"*, menurut dalam industri filem. Dalam kata lain mereka tidak menyatakan dengan tepat cara membuat filem dan menyunting adegan yang tertentu, mereka hanya berfungsi sebagai jalan pintas yang membolehkan pembuat filem itu menganggap bahawa dengan mengikuti aturan mereka tidak akan membuat suntingan ketidak kesinambungan atau *discontinuity* tugas membaikpulih suntingan kesinambungan dalam setiap suntingan masih diperbaiki oleh penyunting yang harus bergantung pada pengalaman, intuisi, dan empati dengan khalayak sasaran. Gaya kesinambungan pembuatan filem berdasarkan pada system penempatan kamera dan garis panduan penyuntingan yang dikenali sebagai sistem 180° (T.J., 2005).

Dalam setiap filem yang haruslah mempunyai kesinambungan yang sesuai sama ada dari segi pergerakan imej dalam skrin, posisi imej dan juga kesesuaian semasa digabungkan antara syot tersebut. Penggunaan teknik kesinambungan mestilah dilakukan dalam membentuk sesebuah filem seram komedi. Kesinambungan juga berkait rapat dengan *matching* atau padanan. Teknik *cutting on action* juga digunkana untuk menyambung syot dengan syot lain agar mempunyai kesinambungan atau *matching* diantara syot. Matching atau kesinambungan antarasyot yan telah digunakan oleh pembuat filem terdahulu seperti Edwin S Porter dan Pudovkin serta G.W.Griffith (1902) yang meneruskan penggunaan teknik tersebut




menerusi filem mereka.

Menerusi filem arahan mereka G.W.Griffith telah menemui teori iaitu *three match cut*. Kesesuaian visual cutting on action atau matching harus diambil kira oleh semua penyunting filem. Seseorang penyunting tidak boleh memotong atau menyambung syot sesuka hati kerana penyuntingan haruslah diteliti supaya iainya memberi kesan penyambungan syot yang bersesuaian. Selain itu, penyunting juga harus melihat pada kesesuaian syot dari segi imej dalam *frame*, di samping melihat pada kesesuaian pergerakan imej dan juga kesesuaian apabila dilihat melalui *frame* tersebut. Hal ini mampu memberi kekemasan pada setiap pemotongan dan penyambungan sesebuah adegan.

Dalam kajian ini juga didapati penggunaan teknik suntingan kesinambungan (*continuity*), *cutting on match* dan *matching* yang telah digunakan dalam filem hantu kak limah balik rumah. Menerusi teori three match cut ini pula, ia dikembangkan lagi dengan menggunakan *matching the look*, *matching the position* dan *matching the movement*. Kesinambungan yang dilakukan oleh pengarah biasanya dilakukan semasa proses melakar atau semasa pembuatan papan cerita. Langkah ini dilakukan bertujuan memastikan syot yang akan disambung menjadi sebuah adegan yang sempurna dan memberi makna kepada keseluruhan jalan penceritaan. Dalam filem seram komedi iaitu Hantu Kak Limah Balik Rumah karya Mamat Khalid ini dan penyuntingnya iaitu Zappa Khalid didapati menjaga kesinambungan setiap syot dengan baik. Pengkaji mendapati bahawa penyunting menggunakan teknik *continuity*, *cutting on action*, dan *matching* bagi memberikesan yang terbaik dalam pembikinan cerita. Berikut merupakan rajah yang menunjukkan atau memperlihatkan penggunaan teknik penggunaan teknik penyuntingan kesinambungan dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010).

### 2.2.2 Sistem 180°/ 180° System

Sistem ini dibina berdasarkan idea “paksi tindakan” yang dapat dikenali dengan jelas garis diruang 3D tempat kejadian dimana semua tindakan, pergerakan watak, pandangan, serta dialog berlaku. Contohnya dalam adegan dialog klasik yang melibatkan dua watak (lihat rajah 1) paksi tindakan bergabung dengan rakan perbualan. Pengarah haruslah mengenal pasti setiap garis ini dengan memperkenalkan pandangan baharu dengan menetapkan shot a tembakan penuh atau panjang yang difilemkan secara tegak atau lurus dengan paksi- aksidan cukup jauh daripada watak utama untuk menunjukkan kedudukan mereka yang saling berkaitan antara satu sama lain (kamera A dalam rajah 2.1).



Rajah 2.1: Sistem penempatan kamera 180°. Sebaik sahaja ruang tempat kejadian yang diambil oleh kamera A, kamera yang lain haruslah merakam dengan sisi yang sama “Paksi tindakan”. Potongan melintang (kamera B2, C2, D2 atau E2) akan mewujudkan “ketidakselajaran ataupun discontinuity”.

Setelah paksi-aksi dan ruang tempat kejadian dibentuk, peraturan 180° menyatakan bahawa setiap rakaman yang diambil mestilah difilemkan dari sisi paksi yang sama seperti pukulan penetapan. Setiap kedudukan kamera disepanjang arka 180° dengan watak yang berada di tengah dibenarkan (Rajah 2.1). Sekiranya kamera melintasi paksi (kamera B2, C2, D2 atau E2) hubungan kiri dan kanan di layer akan terbalik (lihat perbezaan di antara B2 dengan B) pembalikan ini akan mengaburi mata penonton. Hal ini juga telah melanggar peraturan 180° dalam hal ini yang dikenali sebagai “melintasi garis atau *crossing the line*”.

### 2.2.3 Penyuntingan Analitik / *Analytical Editing*

Sebaik sahaja ruang tempat rakaman dibuat, pengarah boleh mula memecahkan atau turun untuk bercerita (disebut sebagai kerosakan). Dengan ini dicapai dengan memotong shot yang dirakamkan dalam arka 180° dan jarak yang berbeza. Tembakan jarak dekat membenarkan melihat dengan lebih terperinci dan dalam babak dialog serta membaca ungkapan di wajah watak. Drama yang muncul dari emosi, ekspresi, serta pemikiran digambarkan oleh reaksi watak. Oleh itu, tugas prinsip pengarah dan penyunting merupakan salah satu organisasi dalam bentuk bujur yang berada dalam segi empat tepat di dalam skrin. Selagi kamera tetap beradadi sisi paksi tindakan yang sama dengan kamera yang dirakam secara bebas ditempat yang dikehendaki oleh pengarah (seperti kamera A, B, C, D, dan E dalam rajah 1). Corak penyuntingan yang biasa adalah untuk permulaan pemandangan sebagai Long-Shot dan kemudiannya dipotong setiap watak semasa mereka bergantian bercakap. Sekiranya kamera berada diposisi tegak dan lurus dengan watak (kedudukan kamera D) mereka mempunyai keseluruhan skrin untuk diri mereka. Pandangan pelakon juga akan sama seperti dalam rakaman pendirian, melihat dari sebelah kanan skrin kiri (bandingkan tangkapan A dengan tangkapan B, C, D, dan E). Perbandingan garis mata ini adalah hasil semula jadi dari mematuhi peraturan 180 ° dan dianggap dapat memperkuat ruang yang ditubuhkan sebelumnya. Walaubagaimanapun, watak kedua tidak lagi berada di layar kehadirannya disiratkan oleh pandangan watak semasa (lihat caranya pelakon kelihatan saling memandangi di seberang gambar E dan D). Dengan menubuhkan garis mata pada pemotongan rakaman (A) kemudian ianya boleh dibuat diantara rakaman yang tidak mengandungi semua pelakon.

Garis mata yang bersilang dipercayai menghasilkan tepat pemahaman hubungan spasial. Sekiranya salah satu watak itu bergerak keluar dari rakaman *Close-Up* dan menukarnya hubungan spasial tempat kejadian, maka ruang tempat kejadian harus dijalin semula dengan


memotong ke Pukulan Pembentukan Semula (memotong ke rakaman A). Rakaman ini biasanya sama dengan tembakan pendirian yang asli untuk menyampaikan bagaimana ruang tempat kejadian telah berubah. Setelah watak berhenti bergerak, baru paksi-tindakan menggabungkan dua watak menjadi jelas dan pecahan analisis pemandangan dapat diteruskan berdasarkan paksi baru ini. Apabila penyunting memutuskan untuk memotong dari satu kamera yang berada dalam arka  $180^\circ$  hingga kamera lain mereka mesti memastikan bahawa terdapat lebih dari  $30^\circ$  di antara keduanya kamera. Ini dikenali sebagai Peraturan  $30^\circ$ . Sekiranya kamera terlalu dekat dan dihalakan objek yang sama dengan pemotongan dapat membuat objek di layar terlihat "melompat".  $30^\circ$  hanyalah peraturan biasa, implikasi sebenar peraturan tersebut adalah untuk penyunting untuk memastikan bahawa dua tangkapan yang disatukan dengan potongan berbeza dengan ketara. "Kepentingan" perubahan antara tembakan sukar untuk ditentukan tetapi biasanya dicapai dengan menggunakan ukuran tangkapan yang berbeza, mengubah objek kamera menunjuk, atau memperkenalkan objek baru ke dalam tembakan kedua.

#### **2.2.4 Tangkapan Sudut Terbalik / *Reverse-Angle Shots***

Sekiranya penyunting hanya memilih untuk memotong antara gambar yang dirakam secara tegak lurus dengan paksi-aksi (kamera E dan D) hubungan lateral antara watak akan jelas tetapi pemandangannya akan kelihatan rata. Adegan itu akan menjadi kurang mendalam seperti semua aksi dan dialognya diarahkan keluar dari sisi bingkai, tegak lurus dengan penonton. Hal ini akan menyebabkan kekurangan kepercayaan atau perhatian terhadap penonton menjadi kurang. Semakin banyak urutan tangkapan yang biasa digunakan ia disebut sebagai Tembakan Sudut Terbalik. Hal ini kerana peletakkan kamera pada, atau dekat dengan, satu hujung paksi-tindakan dan arahkan ke arah hujung lain (rakaman C dan B dalam Rajah 1). Kamera biasanya diletakkan sama ada di tempat watak pendengar atau betul-betuli belakang bahu mereka (Bahu yang Terlampau). Kemudian, apabila giliran percakapan beralih

ke watak lain potongan yang dibuat ke kamera yang diposisikan dalam kedudukan yang sama dengan watak lain (gabungan rakaman ini dikenali sebagai *Shot / Reverse Shot*). *Over the Shoulder (OTS)* menunjukkan kedua-dua watak di skrin pada masa yang sama, bahu dan belakang kepala pendengar menguasai satu sisi skrin sementara seluruh wajah pembesar suara dapat dilihat di bahagian lain skrin. Selagi bahu yang dipilih berada di dalam marka 180 ° watak akan kekal di sebelah kanan skrin (lihat kesan pembalikan pada tembakan C2 dan B2 dalam Rajah 1). Penggunaan rakaman *Over The Shoulder* dan *Reverse Angle* mungkin yang paling banyak produk yang dikenali dari sistem 180 °. Apabila pasangan Shot / *Reverse Shot* kedudukan kamera digabungkan dengan analisis analitik tempat kejadian (penubuhan, pemecahan, penubuhan semula) dipercayai dapat mewujudkan urutan kedudukan kamera yang selamat dan menjamin penghargaan penonton hubungan istimewa antara rakaman.

**2.2.5 Keluar / Masuk yang Sesuai / *Matched-Exit/Entrance***



Rajah 2.2 : Kesinambungan arah melintasi Potongan Keluar / Pintu Masuk yang Sesuai. Potongan dari rakaman A hingga rakaman B boleh diterima dan akan membuat apa yang disebut sebagai jalan keluar yang sesuai / jalan masuk untuk dipotong. Potongan dari rakaman A ke C dilihat sebagai mewujudkan "ketidak kesinambungan atau *discontinuity* " melainkan rakaman E diletakkan di antara mereka.


UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Pemeliharaan hubungan spatial bukan sahaja menjadi perhatian Over The Shoulder dan gambar Reverse Angle yang berlaku untuk semua tangkapan yang menggambarkan tindakan. Sekiranya pelakon atau objek dilihat bergerak dari kiri ke kanan melintasi skrin dalam satu rakaman, rakaman seterusnya haruslah dari aksi mereka juga harus menunjukkan mereka bergerak dari kiri ke kanan. Ini disebut sebagai "Pertandingan arah". Ia dapat disifatkan sebagai satu tindakan yang melampaui batas had satu pemandangan. Dua rakaman aksi dapat bersebelahan secara spatial pemandangan yang sama, seperti dua rakaman di kedua sisi pintu, atau menghilangkan ribuan batu, seperti rakaman pelakon yang menaiki pesawat dari kiri ke kanan, pesawat yang terbang dari kiri ke kanan, dan mendarat dari kiri ke kanan. Satu teknik yang digunakan untuk memastikan bahawa penonton mengalami "ilusi melihat tindakan berterusan adalah dengan menggunakan watak pemergian dari skrin untuk menunjukkan potongan lain dari pelakon itu yang memasuki semula skrin. Jenis potongan ini akan disebut sebagai jalan keluar-masuk / jalan masuk yang sesuai. Contohnya boleh dilihat pada Rajah 2.2. Potongan dari rakaman A ke rakaman B akan menimbulkan kesan gerakan berterusan, sementara potongan dari rakaman A ke rakaman C dipercayai mengelirukan dan mengecewakan penonton. Kekeliruan ini dapat dihilangkan dengan memasukkan pukulan E di mana pelakon dilihat bertukar arah antara rakaman A dan C.



### 2.2.6 Perlawanan-Tindakan / *Match-Action*



Rajah 2.3: Potongan aksi-perlawanan yang optimum akan dilakukan antara "Sebelum Lompat" dan "Lompat Pertengahan". Diambil dari (Katz, 1991)

Gambar yang harus dipotong dan bagaimana meletakkan kamera untuk membuat pemotongan adalah tidak mengganggu, peraturan penyuntingan kesinambungan juga menyarankan memotong sesuatu rakaman. Pelbagai peraturan untuk memilih waktu terbaik untuk dipotong, tetapi sejauh ini yang paling menonjol adalah peraturan aksi perlawanan. Semasa penyunting ingin memotong antara dua gambar pelakon yang sama, masa yang paling tidak mengganggu adalah "pada titik tindakan yang paling hebat" (Anderson, 1996). Ini biasanya dilihat secara tiba-tiba perubahan dalam tindakan atau gerakan seperti pelakon yang berdiri, menggerakkan lengan, atau membuat pusingan kepala. Dari segi mengetahui masa

untuk memotong tindakan ini "perkara biasa berlatih dalam gaya kesinambungan akan mencari potongan di suatu tempat dalam aksi. Hah ini cenderung menyembunyikan potongan dan membuat peralihan ke tembakan baru tidak kelihatan. Yang tepat titik pemotongan bergantung pada subjek dan perasaan pergerakan editor. " (Katz, 1991) .Mengikuti nasihat ini, jalan perlawanan akan dilakukan di suatu tempat hanya selepas permulaan tindakan .Manfaat menggunakan aksi pertandingan dalam potongan dipercayai disebabkan oleh kita jangkaan mengenai tindakan itu, "kita tidak mungkin melihat pemotongan itu kerana kita jangkaan mendorong kita untuk melihat apa yang akan berlaku seterusnya. " (Bordwell, 2001) Jangkaan ini dipercayai penting untuk pembinaan "Kesinambungan" dan untuk membuat penyuntingan "tidak terlihat": "Diperlukan mata untuk mengamati perlawanan lancar pada aksi; begitu kuat keinginan kita untuk mengikuti tindakan yang melintas potonganitu kita abaikan sendiri. " (Bordwell, 2001) Ini kepercayaan bahawa penyuntingan kesinambungan sesuai dengan harapan penonton adalah perkara biasa dan kehendak dibincangkan dalam bahagian berikut.

## BAB 3

### METODOLOGI PENYELIDIKAN

#### 3.1 PENGENALAN

Dalam bab tiga ini pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi terhadap kajian ini adalah salah satu cara ataupun kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian dengan secara lebih sistematik. Secara tidak langsung, penggunaan metodologi dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan hasil dapatan kajian dengan lebih jelas mengenai kaedah yang digunakan dengan menghuraikan proses-proses kajian tersebut. Selain itu, pengkaji juga telah merangka beberapa cara kajian supaya segala maklumat yang didapati diperolehi dengan secara kaedah yang betul dan dari sumber yang dipercayai. Di samping itu, terdapat bahagian rekabentuk kajian, persampelan serta proses menganalisis data digunakan dalam kajian ini. Tujuan metodologi untuk membantu memberi kefahaman dengan lebih terperinci tentang aplikasi kaedah dengan membuat huraian secara jelas.

Dalam metodologi kajian, pengkaji melaksanakan kajian berkenaan penggunaan teknik editing continuity atau teknik suntingan kesinambungan dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010) yang berbentuk kuantitatif. Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan maklumat penggunaan teknik *editing continuity* atau teknik suntingan kesinambungan dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Pendekatan kuantitatif ialah prosedur yang menghasilkan data berbentuk carta pai yang boleh difahami semua orang.

### 3.2 KAEDAH KUALITATIF

Metode kualitatif boleh definisikan sebagai kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah, 2010). Kaedah kualitatif juga boleh didefinisikan kepada memberikan perhatian kepada data alamiah yang berada dalam hubungan konteks keberadaannya. Positivisme itu sebagai satu aliran falsafah yg menganggap bahawa ilmu pengetahuan itu semata-mata berdasarkan pengalaman dan ilmu yg pasti (berlawanan dgn metafizik). Oleh itu menurut Ratna (2004), objek social bukan gejala sosial sebagai bentuk yang hak atau benar melainkan makna yang terkandung di balik tindakan yang justeru mendorong timbulnya gejala sosial tersebut. Dalam hubungan inilah metode kualitatif dianggap sama benar dengan metode pemahaman atau *verstehen*. Penyelidikan kualitatif mempertahankan nilai. Dalam ilmu sosial, sumber datanya adalah masyarakat sedangkan data penyelidikannya adalah tindakan-tindakan. Dalam ilmu sastera, sumber datanya adalah karya sedangkan data penyelidikannya ialah teks.

### **3.3 PENDEKATAN KAJIAN**

Pendekatan kajian merupakan satu perkara yang telah berlansung atau terjadi dan ianya boleh dijadikan sebagai contoh serta tauladan. Hal ini demikian kerana kajian ini juga diklasifikasikan sebagai salah satu cara untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Pada masa yang sama, kajian kes dapat dikenalpasti secara terperinci berdasarkan pada topik yang hendak dikaji. Maklumat yang dicari dalam kajian ini berkaitan penggunaan teknik editing continuity atau teknik kesinambungan dalam filem Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010). Oleh itu, kaedah kajian kualitatif merupakan satu cara yang terbaik untuk mengumpul segala maklumat dan memahami secara lebih jelas berkaitan dengan kes tersebut. Hal ini, bagi mengumpulkan segala maklumat dalam bentuk kuantitatif untuk golongan sasaran, pemerhatian pada penonton dan sumber secara ilmiah.

### **3.4 PERSAMPELAN**

Persampelan yang digunakan adalah merujuk kepada golongan sasaran sebagai sumber utama untuk mendapatkan tindak balas jawapan tersebut. Sebelum memulakan sebarang penyelidikan, pengkaji harus mengetahui siapakah, dan berapakah populasi kajian yang digunakan.

Menurut (Hua, 2016) persampelan merupakan proses dalam memilih sebahagian data daripada responden untuk dikaji atau untuk dijadikan subjek kajian. Kaedah ini juga amat berkesan untuk memperolehi segala maklumat yang merangkumi kepada seluruh dapatan kajian kes. Melalui pemerhatian, perbezaan setiap pandangan serta jawapan dari mana-mana individu tersebut. Hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah secara menemui setiap responden utama sebagai sasaran. Tujuan utama adalah untuk memperolehi segala maklumat berdasarkan tentang sesuatu melalui orang, institusi, tempat dan fenomena. Hal ini untuk memperolehi hasil kajian dengan mencerminkan populasi segi pemboleh ubah sebagai pengkaji.

### 3.5 INSTRUMEN KAJIAN

#### 3.5.1. KAJIAN PERPUSTAKAAN

Bagi mendapatkan pelbagai maklumat yang lebih banyak, pengkaji menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Melalui kaedah ini pengkaji dapat melakukan rujukan ilmiah di perpustakaan dengan teliti terutamanya rujukan berkenaan penggunaan teknik *editing continuity* atau teknik suntingan kesinambungan. Bahan seperti buku, kajian lepas, jurnal dan ensyclopedia menjadi rujukan pengkaji dalam mengumpulkan maklumat dan teori dari falsafah lau yang berkait dengan tajuk kajian.

#### 3.5.2. SUMBER INTERNET

Dalam dunia masa kini, internet merupakan sumber yang paling penting dalam kehidupan masyarakat. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kemudahan internet bagi maklumat berkenaan penggunaan teknik editing continuity atau teknik kesinambungan. Sumber internet merupakan kemudahan yang luas mengandungi pelbagai kemudahan untuk pengguna mencari bermacam-macam manfaat melaluinya. Sumber internet menjadi sumber pengumpulan maklumat tambahan sama ada daripada dalam mahupun luar.


Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah menganalisis teknik *continuity editing* yang telah digunakan dalam menjayakan filem ini. Analisis kandungan merupakan satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak misalnya seperti surat khabar, majalah, jurnal dan sebagainya. Ia digunakan untuk mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep dan sebagainya yang ada dalam media tersebut. Analisis kandungan juga boleh digunakan dalam pelbagai bidang ilmu seperti politik, social, pengurusan dan sebagainya. Terdapat dua bentuk iaitu analisis konseptual dan analisis *relational* yang telah digunakan dalam kajian ini. Analisis konseptual adalah satu analisis yang mengutamakan huraian atau penjelasan sesuatu konsep salam sesuatu kandungan yang dikaji. Beberapa konsep telah dikenalpasti, analisis dimulakan dengan mengenalpasti persoalan dan memilih

sampel kajian. Ungkapan atau sesuatu perkataan yang dipilih kemudian akan dikelaskan kepada beberapa kategori yang mengikut keutamaan penyelidik. Ianya dibuat dengan memilih beberapa teknik penyuntingan dalam sesebuah filem. Pemilihan analisis konseptual merupakan analisis yang menentu dan menjelaskan teknik-teknik penyuntingan dalam penghasilan filem bergenre seram komedi.

Analisis *relational* atau analisis semantik adalah analisis hubungan diantara konsep-konsep dalam kandungan. Analisis ini menggunakan metode yang sama seperti analisis konseptual, namun analisis ini lebih kepada menganalisis hubungan sesuatu konsep yang ada dengan konsep yang dikaji. Analisis ini juga lebih kepada semantic atau makna sesuatu perkataan atau hubungannya dengan konsep-konsep yang lain. segala data yang berkaitan dengan konsep dan teknik penyuntingan kesinambungan dalam filem seram komedi akan dihuraikan secara deskriptif. Huraian data ini bertujuan untuk menjawab persoalan dan objektif yang telah dikaji. Analisis dan huraian ini membolehkan penyelidik mengemukakan cadangan terhadap penghasilan filem seram komedi dalam sesebuah filem seram.



## CARTA ALIR METODOLOGI KAJIAN





## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Dalam bab 4 ini, kajian yang dilakukan akan diterangkan dengan lebih terperinci mengenai dapatan kajian hasil daripada kaedah kajian yang diperolehi menggunakan kaedah analisis seperti menggunakan analisis yang dapat mengkaitkan hubungan suntingan kesinambungan dengan filem yang akan dianalisis. Dalam proses kajian yang dilakukan, setiap hasil kajian yang diperolehi untuk kajian penyelidikan ini merangkumi proses kajian daripada sumber internet, perpustakaan, audio visual, dan juga analisis kandungan.

#### **4.2 SINOPSIS HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH (2010)**

Filem ini dimulakan dengan watak seorang pengawal keselamatan yang menjaga di satu kawasan pembinaan di pinggir Kampung Pisang. Ketika pengawal keselamatan tersebut membaca surat khabar, dia merasakan seperti rebut serta diikuti dengan bilik pengawal keselamatan tersebut bergegar dan keluarnya cahaya yang terang benderang. Pengawal tersebut berlari ketakutan akibat terkejut dengan apa yang terjadi.

Seterusnya beralih ke warung Pak Jabit yang terletak bersebelahan sungai. Terdapat beberapa penduduk kampung pisang yang menonton filem yang ditayangkan di televisyen. Pak jabit dengan muka yang sangat menyampah terus menutup suis televisyen sambil mempersoalkan kewibawaan penulis dan pengarah yang menghasilkan filem tersebut. Husin yang berkelana ke singapura kerana mencari perkerjaan disana telah mengambil keputusan untuk pulang ke kampung pisang. Sesampai sahaja dia di warung pak jabit, husin terus menegur penduduk kampung yang berada disitu.

Husin pulang ke rumahnya tetapi dia berasa sangat hairan dengan jirannya iaitu kak limah. Pada malamnya husin dinganggu oleh kak limah dan berlari dan terserempak dengan rakan kampungnya iaitu abi Hurairah dan usop. Mereka bertiga terus ke warung Pak

jabit. Sampai di warung Pak Jabit husin menceritakan barangkali kak limah telah menjadi hantu. Ketika itu juga Abi Hurairah menceritakan pada suatu hari dia terserempak kak limah berada di pondok berdekatan dengan kubur. Ketika itu Pak Jabit sangat marah kepada Husin kerana memutuskan pertungan dengan anaknya iaitu che nin dan menuduh bahawa Husin membawa nasib malang kepada kampung mereka.

Mereka beramai-ramai ke perumahan kak limah dan mereka menemui mayat kak limah. Sejak peristiwa tersebut kampung mereka diganggu pelbagai makhluk misteri. Mereka juga telah memanggil pelbagai bomoh untuk memulihkan kembali kampung pisang. Misterinya terungkai ketika anak mak Limah iaitu Musalman pulang ke kampung. Antara bomoh yang dipanggil ialah bomoh dari Indonesia yang mempunyai pengalaman mengalahkan makhluk misteri disetiap pelusuk negara dan akhirnya tewas dengan kak Limah. Akhirnya mereka memanggil bomoh dari Thailand iaitu chomprak dan akhirnya dikalahkan oleh kak limah.

Akhirnya Musalman kembali semula ke kampung pisang dan membeberitahu bahawa emaknya sudah melarikan diri dari hospital sakit jiwa. Mayat yang berada didalam rumahnya itu ialah mayat pembantu rumah. Dan filem ini diakhiri dengan pak Jabit menunjukkan kubur Che Nin. Pak jabit menyatakan bahawa ketika husin keluar mencari pekerjaan Che Nin jatuh sakit dan meninggal dunia. Yang Husin jumpa selama ini hanyalah bayangannya sahaja.

MALAYSIA

KELANTAN



Analisis Bahan Media: Hantu Kak Limah Balik Rumah (2010)

Tarikh Tayangan: 9 / 12 / 2010

Bahasa: Melayu

Genre: Komedi, Seram

Syarikat Penerbitan : Tayangan Unggul

Barisan Pelakon : Awie, Johan Raja Lawak, Umi Nazeera Dan Lain-Lain

Penulis Skrip Dan Pengarah : Mamat Khalid

Sinematografi : Helmi Yusof

#### **4.3 ANALISIS SUNTINGAN KESINAMBUNGAN DALAM FILEM HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH.**

Melalui kajian awal yang telah dijalankan dengan menonton filem Hantu Kak Limah Balik Rumah karya pengarah popular di Malaysia iaitu Mamat Khalid, pengkaji mendapati terdapat penggunaan penyuntingan kesinambungan dalam filem ini. Antaranya pada babak didalam filem diapati pengarah menggunakan penyuntingan kesinambungan iaitu teori *three match cut* misalnya pada minit ke 00:03:28 iaitu ketika husin pulang ke kampung halamannya iaitu kampung pisang dengan menunggang motosikalnya. Pada minit ini juga penggunaan wide shot dan medium shot tentang perjalanan husian dapat dilihat dengan penggunaan teori *three match cut* yang terdapat didalam penyuntingan kesinambungan.



Rajah 4.3.1 : babak husin menunggang motosikalnya untuk pulang ke kampung halaman.

Seterusnya diikuti syot yang kedua iaitu ketika husin sampai di warung pak jabit. Pada minit 00:04:17 ketika ini terdapat beberapa suntingan kesinambungan iaitu penggunaan 180° system untuk perbualan antara husin dan penduduk kampung. Penggunaan 180° system adalah untuk menunjukkan kesinambungan perbualan antara seseorang dengan orang yang lain. Pada babak ini penggunaan shot daripada long shot kepada medium shot dan shot yang lain. Selain itu juga, penggunaan syot juga mempengaruhi penyuntingan kesinambungan sesuatu filem.



Rajah 4.3.2 : perbualan antara husin dengan penduduk kampung di warung pak jabit.

KELANTAN

Seterusnya pada minit 00:04:51 ketika ini menunjukkan perjalanan Husin dari warung pak jabit ke rumahnya. penyuntingan yang terdapat disini ialah penggunaan teori three match cut serta penggunaan jump cut dan cross cutting. Apa yang dapat dilihat penggunaan syot sangat mempengaruhi sesuatu penyuntingan kesinambungan hal ini kerana perjalanan Husin ke rumahnya mengambil masa untuk sampai dan pelbagai jenis syot yang telah diambil seperti wide shot, long shot, medium shot dan sebagainya.



Rajah 4.3.3: menunjukkan halaman rumah husin dan rumah kak limah

Pada minit seterusnya iaitu 00:05:27, pada babak ini husin bertanyakan sesuatu kepada kak limah. Selesai bertanya husin terus masuk kerumahnya dan meninggalkan kak limah seorang yang seperti patung berada di jendela tingkap. Pada babak ini digunakan juga penggunaan 180° system untuk perbualan antara Husin bersama dengan kak limah yang berada di jendela. Pada babak ini juga terdapat pelbagai syot yang memainkan peranan besar untuk membantu pentutungan menjadi lebih menarik. Hal ini banyak membantu serta menjadikan penyuntingan lebih baik dengan adanya syot-syot yang menarik. Kesinambungan antara syot merupakan satu perkara yang harus mempunyai kesinambungan kerana iainya dapat menyampaikan sesuatu perkara dengan lebih baik.






Rajah 4..3.4: perbualan antara kak limah dan husin

Seterusnya pada minit 00:06:54 dan diikuti minit 00:10:56 pada sekuen ini dapat dilihat pelbagai jenis suntingan kesinambungan telah digunakan seperti 180° system, cross cutting dan sebagainya untuk menampakkan kesinambungan diantara sekuen menjadi lebih baik. Pada babak ini terselit beberapa teknik suntingan seperti matching. Hal ini kerana padanan yang sesuai untuk babak seterusnya harus mempunyai padanan atau perbuatan yang sama dengan babak sebelumnya. Pada babak ini telah menimbulkan perasaan rindu kepada seseorang dan juga menimbulkan perasaan cemas ketika usop menceritakan perkara yang terjadi kepada dirinya. Selain itu kesan yang terdapat daripada teknik kesinambungan ini ialah

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Rajah 4.3.5: Babak husin mengimbas kembali kenangan bersama che nin



Rajah 4.3.6: perbualan antara Husin, Abi Hurairah dan Usop

Seterusnya, pada minit ke 00:11:21 sehingga minit 00:12:00 pada babak ini terdapat penggunaan suntingan kesinambungan iaitu *match on position* seperti pada minit 00:11:21 menunjukkan husin tidur dan bangun untuk menutup jendela yang terbuka. Pada ketika itu sekali lagi husin menegur Kak Limah yang berada di luar perkerangan rumahnya. Pada babak ini telah menimbulkan keadaan yang seram apabila teguran yang telah diberikan hanya dibalas dengan bunyi cengkerik dan tiupan angin.





Rajah 4.3.7: Babak husin mahu tidur pada suasana malam yang sunyi



Rajah 4.3 8: Ketika Husin menegur kak limah yang berada di perkarangan rumahnya.

Seterusnya pada minit 00:14:18 sehingga minit 00:14:40 pada babak ini terdapat beberapa teknik suntingan kesinambungan yang telah digunakan seperti matching, jump cut dan sebagainya. Hal ini dapat pada sekuen kak limah berada disebelah Husin dan husin bertanya kepada kak limah bagaimana kak limah naik dan masuk ke rumahnya dan terus mempunyai jump cut kerana sekuen seterusnya menunjukkan husin terus lari bertempiran kerana takut akan kak limah yang berada disebelahnya sebentar tadi. Pada babak ini teknik suntingan kesinambungan telah membuatkan satu kesan iaitu kesan komedi ketika husin lari dan ditegur oleh usop dana bi Hurairah yang taserempak husin yang sedang lari.



Rajah 4.3.9: husin terkejut akibat kak limah berada di sebelahnya



Rajah 4.3.10 : abi Hurairah dan usop terserempak husin yang sedang lari ketakutan.

Pada minit seterusnya iaitu 00:16:48 sehingga minit yang 00:17:52 pada babak ini penggunaan teknik kesinambungan iaitu Menerusi teori three match cut ini pula, ia dikembangkan lagi dengan menggunakan *matching the look*, *matching the position* dan *matching the movement*. Hal ini apabila Abi Hurairah menceritakan kejadian yang berlaku kepada dirinya akibat dikejar oleh kak limah dikawasan perkuburan. Kesan daripada suntingan ini menunjukkan keadaan cemas yang dialami oleh abi Hurairah ketika melarikan diri daripada ditangkap oleh kak limah.




Rajah 4.3.11: abi Hurairah yang baru pulang daripada bandar



Rajah 4.3.12: Melarikan diri daripada kak limah

Selain itu, pada minit 01:19:19 sehingga pada minit 01:22:49 ketika babak ini penyuntingan kesinaqbungan yang digunakan ialah 180° system dan matching kerana pada ketika ini penduduk kampung bermuafakat untuk menangkap Hantu Kak Limah yang berkeliaran di kampung pisang yang telah menakutkan penduduk kampung pisang. Ketika ini penggunaan 180° system pada husin yang ditegur oleh ayu. System ini digunakan untuk perbualan antara dua atau lebih orang. Pada babak ini meninggalkan kesan yang sangat baik iaitu muafakat antara penduduk kampung membuat sesuatu kampung menjadi aman.



Rajah 4.3.13: Penduduk kampung pisang berkerjasama untuk menangkap Hantu Kak Limah.

Di samping itu, pada minit 01:32:14 sehingga minit 01:33:18 menunjukkan babak husin yang telah mengetahui perkara yang sebenar dan ayu menunjukkan wajahnya yang sebenarnya. Pada babak ini juga menggunakan teknik suntingan kesinambungan yang menghubungkan babak husin menaiki motosikalnya untuk membawa diri ke tempat lain dengan sekuen dimana perbualan diantara Husin dan ayu. pada babak ini telah menggunakan 180° system dan penggunaan pandanan atau matching. Pada babak ini meninggalkan kesan yang sedih kerana penantian yang dinanti hanya sekadar penantian yang tiada makna.



Rajah 4.3.14: perjalanan husin untuk keluar daripada kampung



Rajah 4.3.15: perbualan diantara ayu dan husin sebelum husin keluar daripada kampung

#### 4.4 KESIMPULAN

Pada analisis bab 4 ini dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa teknik kesinambungan seperti *matching*, *180° system*, *Matched-Exit/Entrance* dan sebagainya. Kesan penggunaan teknik penyuntingan kesinambungan ini ialah banyak meninggalkan kesan-kesan seperti dramatic, seram, komedi dan sebagainya. Dengan penggunaan teknik kesinambungan dengan betul mampu membuat sesuatu filem menjadi sangat baik dalam penyampaian jalan cerita yang akan disampaikan. Penggunaan teknik kesinambungan juga banyak membantu dalam menonjolkan perwatakan pelakon yang berlakon dalam filem ini.



## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini merupakan bab terakhir dan merupakan rumusan yang melengkapinya segala kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Setiap kajian yang dilakukan perlu mempunyai satu rumusan untuk menyokong setiap yang dilakukan. Hal ini kerana setiap kajian atau dapatan kajian yang telah dijalankan perlu mempunyai kesimpulan yang menyimpulkan apa kajian yang telah dilakukan. Disamping itu, cadangan dan pendapat yang berkaitan dan relevan akan dikemukakan di dalam bab ini sebagai satu tujuan untuk memperbaiki atau satu tujuan penambahbaikan setiap kajian yang dilakukan atau yang telah dibahaskan. Kajian penyelidikan yang dilakukan bertujuan untuk mendapatkan kefahaman berkaitan tajuk kajian yang telah dipilih oleh penyelidik.

#### **5.2 CADANGAN**

Setiap kajian penyelidikan yang dilakukan akan dikemukakan cadangan bagi menambahbaik baik untuk penyelidikan pada masa akan datang. Antara cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji bagi kajian penyelidikan yang telah dikaji ialah sebuah filem yang bertemakan seram ataupun aksi yang mampu menyampaikan atau menitikberatkan yang mampu untuk dihuraikan dengan baik bagi teknik-teknik suntingan yang telah digunakan dalam sesuatu filem. Setiap penyelidikan yang berunsurkan teknik suntingan setiap pengkaji harus menyelidiki dengan lebih terperinci dan mendalam supaya penyelidikan yang telah dibuat mampu memberi kesan dan impak yang kuat untuk pengkaji seterusnya. Selain itu, pengkaji yang melakukan teknik suntingan haruslah mengkaji teknik suntingan yang dibawa oleh tokoh-tokoh yang menggunakan teori-teori penyuntingan misalnya seperti Pudovkin, Edwin S Porter dan sebagainya yang mampu membuat sesuatu filem di Malaysia menjadi lebih baik dari semasa ke semasa.

### 5.3 KESIMPULAN

Melalui kajian yang telah dilakukan dapat disimpulkan bahawa filem yang dikaji menggunakan banyak penyuntingan kesinambungan. Filem yang telah dihasilkan juga mempunyai teknik suntingan yang lain, yang telah digunakan untuk menyunting filem Hantu Kak Limah Balik Rumah. Tujuan utama penyuntingan kesinambungan ini dikaji bertujuan untuk mengkaji kesan penyuntingan kesinambungan ini dalam filem yang telah dikaji. Teknik penyuntingan ini mampu memberi impak yang baik dalam penyampaian sesuatu dalam sesebuah filem. Penyuntingan kesinambungan ini telah memberi beberapa kesan seperti dramatic, komedi serta seram. Hal ini telah menyampaikan pelbagai kesan yang mampu membuat audien memahami apa yang ingin disampaikan. Sebagai rumusannya, penggunaan teknik suntingan kesinambungan ini mampu memberi kesan yang mendalam dan penggunaan teknik ini telah membuat sesuatu filem menjadi lebih baik. Kajian tentang teknik penyuntingan ini harus dipertengahan supaya ianya dapat membantu setiap penyunting memahami teknik suntingan akan digunakan dalam menyunting sesuatu filem. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat mengumpul data untuk penambahbaikan kepada projek tahun yang akan dilaksanakan.



## RUJUKAN

- Anderson, J. (1996). *The Reality of Illusion: An Ecological Approach to Cognitive Film Theory*. Southern: Illinois University Press.
- Azizah, H. (2010). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian MediaMalaysia*, 6 (1).
- Bazin, A. (1967). *What is Cinema?* California: University of California Press.
- Bordwell, D. &. (2001). *Film Art : An Introduction 6th edition*. New York USA: McGraw Hill.
- Charles Musser, M. (1991). *Before the Nickelodeon: Edwin S. Porter and the Edison Manufacturing Company*. U.S.A: University of California Press.
- Crimson, T. H. (2017). *What is Film Editing?* Ethan B. Reichsman.
- D.S, K. (1991). *Film Directing Shot by Shot : Visualizing from concept to screen*. California US: MichaelWiese Productions.
- Dewey, J. (2010). *Penyelesaian masalah*.
- Himawan, P. (2008). *Memahami Film*. Yogyakarta: Homeric Pustaka.
- Hua, A. K. (2016). Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Society and Space*, (49 - 55) .
- J, A. (1996). *The Reality of Illusion: An Ecological Approach to Cognitive Film Theory*. Southern: IllinoisUniversity Press.
- Katz, S. (1991). *Film Directing Shot by Shot : visualizing from concept to screen*. California US: MichaelWiese Productions.

- Marselli, S. (1996). *Dasar-dasar Apresiasi Film*. Jakarta:
- Grasindo. Sani, A. (1992). *Cara Menilai Sebuah Film*  
Jakarta: Yayasan Citra..
- Sarji, A. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*.  
Kuala Lumpur:Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Smith, T. J. (2005). *An Attentional Theory of Continuity Editing*. University of  
Edinburgh. Syah, R. (2008). *Kaidah Editing*. Indonesia: Pusdiklat 22 TVRI Th  
2008.
- T.J., S. (2005). *An Anttentional Theory Of Continuity Editing*. Scotland: University of  
Edinburgh. Tabut, M. H. (2006). *Liku-Liku Pembikinan Filem*. Pulau Pinang: Universiti  
Sains Malaysia .
- Thompson, R. &. (2009). *Grammar of The Edit : Second Edition*. Burlington: Focal Press.

## CARTA GANTT

| Minggu                                 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 |
|--|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|----|----|----|----|
| Pemilihan Tajuk                        |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Permasalahan & Objektif                |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Skop penyelidikan & Kepentingan kajian |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Persoalan Kajian                       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Kajian Literatur                       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Metodologi                             |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Kaedah Kajian                          |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |
| Pembentangan                           |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |    |

